

# Kor Sispa UTHM atasi 19 IPT

KONTINJEN Kor Sispa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) meraih anugerah Juara Keseluruhan Perhimpunan Kor Sispa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) peringkat Kebangsaan ke-3 di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), baru-baru ini.

UTHM memenangi tempat pertama dalam pertandingan kawad kaki, melawan kebakaran dan kayak, naib johan aktiviti menyelamat tempat tinggi, ketiga kemahiran membaca peta dan keempat kemahiran menyelamat di air.

Seramai 80 pegawai kadet termasuk lapan pegawai bersekutu, penyelaras dan jurulatih Kor Sispa UTHM menyertai perhimpunan itu.

Ia bagi menguji dan mengukur tahap kemahiran mahasiswa sepanjang mengikuti latihan Kor Sispa di IPT masing-masing.

Komanden Kor Sispa UTHM, Profesor Dr Jailani Md



**BERSEMANGAT...**barisan Kor SISPA UTHM bangga meraikan kemenangan sebagai juara keseluruhan.

Yunos berkata, kemenangan itu hasil kerja keras, semangat juang tinggi serta komited dalam membuat persiapan.

"Kejayaan ini memperteguhkan lagi usaha UTHM untuk muncul institusi yang memfokus kualiti akademik dan pembinaan jati diri di kalangan mahasiswa.

"Diharapkan Kor Sispa UTHM akan mengekalkan prestasi sedia ada, sekali gus melahirkan generasi berkemahiran tinggi dan menaikkan nama UTHM sebagai universiti hebat," katanya.

Kor Sispa UTHM menjadi juara keseluruhan mengatasi 19 IPT lain.

Pada perhimpunan pertama di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Kor Sispa UTHM mendapat tempat keempat manakala pada 2011 di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) kontingen UTHM bergelar naib juara.